



21 Disember 2016
21 December 2016
P.U. (A) 341

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2016

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) RULES 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2016**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Pindaan kaedah 34

2. Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*P.U. (A) 493/1991*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 34—

(a) dalam subkaedah (1)—

(i) dengan memotong perkataan “secara bertulis”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “di hadapan seorang saksi, dan tandatangan ahli itu hendaklah diakusaksi oleh saksi itu”; dan

(b) dengan memotong subkaedah (5).

Pindaan kaedah 35

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam perenggan 35(b) dengan menggantikan perkataan “keahlian” dengan perkataan “Kad Pengenalan”.